

Ruj: (2) dlm. KKM-58/300/1-5 Jld.2



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING BAHAGIAN KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2011

Semua Setiausaha/Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

Semua Pengarah Hospital

Kementerian Kesihatan Malaysia

PROSEDUR KERJA BAGI KEMASUKAN WAD DAN TUNTUTAN CAJ HOSPITAL PEKERJA ASING YANG DILINDUNGI DI BAWAH SKIM PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN PEKERJA ASING (SPIKPA) DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. TUJUAN

Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menjelaskan mengenai prosedur kerja bagi kemasukan wad dan tuntutan caj hospital bagi Pekerja-Pekerja Asing yang dilindungi di bawah Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA) di Hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kepada semua Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Hospital-hospital KKM supaya dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan telah memutuskan supaya pelaksanaan SPIKPA di hospital-hospital KKM bermula pada 1 Januari 2011. Semua pekerja asing adalah diwajibkan mengambil polisi insurans ini dengan jumlah perlindungan insurans kesihatan sebanyak RM10,000.00 setahun dan bayaran premium insurans sebanyak RM120 setahun bagi seorang pekerja asing.

2.2 SPIKPA juga diwajibkan untuk diambil oleh semua pekerja asing yang sedang bekerja di Malaysia pada masa ini dan diberikan tempoh selama 3 bulan untuk membeli polisi insurans tersebut. Bagi kumpulan ini, bayaran premium yang akan dikenakan oleh syarikat insurans yang terlibat adalah berdasarkan pengiraan baki hari bagi tempoh sah laku permit kerja. Bagi pekerja asing yang gagal untuk berbuat demikian, mereka tidak akan dibenarkan untuk memperbaharui permit kerja apabila permit tersebut tamat tempoh kelak.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 SPIKPA ini dilaksanakan secara *cashless*. Ini bermakna pekerja asing yang dilindungi di bawah SPIKPA yang dimasukkan ke hospital KKM tidak perlu membayar sebarang deposit atau mengemukakan surat jaminan/*Guarantee Letter* (GL) daripada syarikat insurans. Pekerja asing hanya perlu mengemukakan dokumen pengenalan diri iaitu paspot bagi proses pengesahan di kaunter daftar masuk wad hospital KKM.

3.2 Sekiranya bil hospital yang dikenakan melebihi had perlindungan maksimum iaitu sebanyak RM10,000.00 atau tuntutan lain yang melebihi had maksimum, maka pekerja asing/majikan hendaklah membayar perbezaan baki bil hospital tersebut.

3.3 Bagi pekerja asing yang dikesan mempunyai bil tertunggak di mana-mana hospital KKM, pekerja asing/majikan berkenaan adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan bil tersebut sebelum memohon pembaharuan permit kerja. Bagi pekerja asing yang gagal menjelaskan bil tertunggak tersebut, mereka tidak akan dibenarkan untuk memperbaharui permit kerja apabila permit tamat tempoh dan majikan yang bertanggungjawab akan disenaraihitamkan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia. Majikan yang telah disenaraihitamkan tidak akan dibenarkan mengambil pekerja asing baru.

4. PROSES KERJA SPIKPA DI HOSPITAL-HOSPITAL KKM

4.1 **Carta 1** : Carta Aliran Kerja Pendaftaran Kemasukan Wad Bagi Pesakit (Pekerja Asing) Di Bilik Daftar Masuk (BDM) seperti di **Lampiran 1**.

- (i) Membuat pengesahan/verifikasi pesakit pekerja asing melalui Sistem Web Portal SPIKPA (<http://www.spikpa.com.my>) atau melalui talian Bebas Toll/*Interactive Voice Response* (IVR) SPIKPA (1 800 88 83 55) bagi menentukan pesakit pekerja asing berkenaan sama ada dilindungi di bawah Insurans SPIKPA atau tidak. Maklumat pesakit yang dilindungi insurans akan dipaparkan

di dalam **Borang Pengesahan SPIKPA Untuk Tujuan Kemasukan Wad (KKM/SPIKPA/BP/1/2011)** seperti di **Lampiran A.**

- (ii) Sekiranya pesakit pekerja asing memiliki Insurans SPIKPA dan masih dalam tempoh perlindungan, caj tuntutan hospital bagi pesakit pekerja asing akan dibayar oleh syarikat insurans melalui *Third Party Claim Administrator (TPCA)*. Sekiranya pesakit pekerja asing tidak dilindungi oleh insurans, prosedur biasa perlu dilakukan dengan mengutip deposit atau mendapatkan surat jaminan/*Guarantee Letter (GL)* daripada majikan.
- (iii) Selain itu, borang-borang lain yang perlu dikepilkan bersama adalah:-

(a) **Borang Penilaian Perlindungan Insurans SPIKPA (KKM/SPIKPA/BP/2/2011)** seperti di **Lampiran B.**

(b) **Borang Permohonan Laporan Perubatan (KKM/SPIKPA/LP/1/2011)** seperti di **Lampiran C.**

4.2 Carta 2: Carta Aliran Kerja Semasa Pesakit (Pekerja Asing) Berada Di Dalam Wad seperti di **Lampiran 2.**

- (i) Memastikan pesakit pekerja asing menandatangani Borang Permohonan Laporan Perubatan (Lampiran C).
- (ii) Memastikan Pegawai Perubatan dan Pembantu Tadbir Unit Hasil/Wad atau Jururawat mengisi maklumat yang diperlukan di

dalam Borang Penilaian Perlindungan Insurans (Lampiran B) untuk menentukan sama ada sebarang sakit, penyakit, wabak atau kecederaan akibat kemalangan yang dialami oleh pekerja asing tersebut dilindungi di bawah Insurans SPIKPA atau tidak. Jika tidak dilindungi, deposit perlu dikutip daripada pekerja asing berkenaan atau mendapatkan surat jaminan/*Guarantee Letter* (GL) daripada majikan seperti prosedur kerja di Carta 4.

- (iii) Sekiranya sebarang sakit, penyakit, wabak atau kecederaan akibat kemalangan yang dialami oleh pesakit pekerja asing **dilindungi Insurans SPIKPA**, prosedur kerja yang perlu dilakukan adalah seperti di **Carta 3**.

4.3 **Carta 3** : Carta Aliran Kerja Semasa Discaj Pesakit (Pekerja Asing) Yang Dilindungi Oleh SPIKPA seperti di **Lampiran 3**.

- (i) Memastikan pihak hospital menyemak dan melengkapkan Borang Penilaian Perlindungan Insurans (Lampiran B) untuk menentukan jumlah tuntutan kepada TPCA/pesakit/majikan. Sekiranya kegunaan Hari Bilik Biasa atau/dan Hari Bilik ICU melebihi had maksimum yang dinyatakan dalam Borang Pengesahan SPIKPA Untuk Tujuan Kemasukan Wad, pihak hospital perlu menggunakan Kaedah Pengiraan Pembahagian Caj Tuntutan Bilik Biasa/Bilik ICU seperti format di **Lampiran D**. Kaedah tuntutan kepada TPCA adalah seperti prosedur kerja di Carta 5(a) **atau** Carta 5(b).

- (ii) Memastikan Pegawai Perubatan berkenaan menyediakan dan mengemukakan **Laporan Perubatan SPIKPA (KKM/SPIKPA/LP/2/2011)** seperti di **Lampiran E**.

4.4 **Carta 4** : Carta Aliran Kerja Bagi Kes Yang Tidak Dilindungi Insurans SPIKPA seperti di **Lampiran 4**.

- (i) Menerangkan prosedur kerja yang perlu dilakukan sekiranya pesakit pekerja asing tidak dilindungi oleh Insurans SPIKPA di mana tuntutan caj hospital perlu dibayar oleh pesakit/majikan.

4.5 **Carta 5(a)** : Carta Aliran Kerja Bagi Kes Yang Tiada Pertikaian Dengan TPCA seperti di **Lampiran 5**

- (i) Menerangkan prosedur kerja untuk mengemukakan tuntutan caj hospital kepada TPCA bagi kes-kes tuntutan yang tidak mempunyai sebarang pertikaian/*query* oleh TPCA.

4.6 **Carta 5(b)** : Carta Aliran Kerja Bagi Kes Yang Ada Pertikaian Dengan TPCA seperti di **Lampiran 6**.

- (i) Menerangkan prosedur kerja untuk mengemukakan tuntutan caj hospital kepada TPCA bagi kes-kes yang mempunyai pertikaian/*query* seperti kesilapan bil atau amaun tuntutan yang berbeza.

- (ii) Sekiranya pertikaian adalah disebabkan oleh kesilapan pengiraan bil, pihak hospital perlu menjana bil yang baru dan mengambil tindakan sebagaimana di Carta 5(a).
- (iii) Bagi kes-kes yang mempunyai pertikaian jumlah tuntutan kepada TPCA:-
 - (a) Sekiranya pihak hospital **bersetuju** dengan penjelasan TPCA, pihak hospital hendaklah mengemaskini sistem dan membuat tuntutan caj hospital daripada TPCA/majikan/pesakit pekerja asing selaras dengan keputusan tersebut;
 - (b) Sekiranya pihak hospital **tidak bersetuju** dengan penjelasan TPCA, pihak hospital perlu menyediakan penjelasan sewajarnya dan majukan kepada KKM untuk keputusan;
 - (c) Keputusan KKM dalam kes ini adalah muktamad dan pihak hospital hendaklah mengemaskini sistem dan membuat tuntutan caj hospital selaras dengan keputusan KKM.

4.7 Contoh Polisi Insurans dan brosur SPIKPA dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah seperti di **Lampiran F** dan **Lampiran G**.

5. TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah mulai Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NG SWEE TING)
Setiausaha Bahagian Kewangan
Kementerian Kesihatan Malaysia

18 Januari 2011

s.k.:

Ketua Setiausaha

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian


Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan


Setiausaha Sulit Kanan YB Menteri Kesihatan

Setiausaha Sulit Kanan YB Timbalan Menteri Kesihatan


**CARTA 1 : CARTA ALIRAN KERJA PENDAFTARAN KEMASUKAN WAD BAGI PESAKIT
(PEKERJA ASING) DI BILIK DAFTAR MASUK (BDM)**



CARTA 2 : CARTA ALIRAN KERJA SEMASA PESAKIT (PEKERJA ASING) BERADA DI DALAM WAD




CARTA 3 : CARTA ALIRAN KERJA SEMASA DISCAJ PESAKIT (PEKERJA ASING) YANG DILINDUNGI OLEH INSURANS KESIHATAN




CARTA 4 : CARTA ALIRAN KERJA BAGI KES YANG TIDAK DILINDUNGI INSURANS SPIKPA***Nota :**

Maklumat yang perlu dikemaskini:-

- 1) Nombor Bil
- 2) Tarikh masuk wad
- 3) Tarikh keluar wad
- 4) Tarikh Bil
- 5) Jumlah Bil
- 6) Jumlah yang telah dibayar oleh pesakit/majikan
- 7) Sebab kes tidak dilindungi insurans (Rujuk senarai pengecualian)

CARTA 5(a) : CARTA ALIRAN KERJA BAGI KES YANG TIADA PERTIKAIAN DENGAN TPCA

CARTA 5(b) : CARTA ALIRAN KERJA BAGI KES YANG ADA PERTIKAIAN DENGAN TPCA



No.Ruj.Pengesahan SPIKPA : **XXXXXXXXXX**

PENGESAHAN SPIKPA UNTUK TUJUAN KEMASUKAN WAD

Kaedah Pengesahan : Tarikh & Masa Pengesahan :

Kod & Nama Hospital :

Nama Pegawai Yang Menjalankan Tugas Pengesahan :

MAKLUMAT PEKERJA ASING (PESAKIT)

Nama :

Warganegara: No.Pasport :

Tarikh Lahir : Jantina :

MAKLUMAT MAJIKAN

Nama Majikan / Syarikat :

Alamat :

No.Telefon (Pejabat) : (Bimbit) :

e-Mel :

MAKLUMAT TPCA DAN TEMPOH PERLINDUNGAN DAN HAD TUNTUTAN SPIKPA

Kod TPCA : Nama TPCA :

Alamat :

Pegawai Dihubungi : Jawatan :

No.Telefon (Pejabat) : (Bimbit) : Faks:

e-Mel :

MAKLUMAT PERLINDUNGAN DAN HAD BAKI TUNTUTAN SPIKPA

No. Polisi : Tempoh Perlindungan :

Had Baki Tuntutan SPIKPA =>	Bilik Biasa (Hari) 30	ICU (Hari) 15	Jumlah Baki Tuntutan (RM) 10,000.00
-----------------------------	---------------------------------	-------------------------	---

*** Ini adalah janaan komputer dan tandatangan tidak diperlukan ***

BORANG PENILAIAN PERLINDUNGAN INSURANS
SKIM PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN PEKERJA ASING (SPIKPA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Nama Pesakit: _____ No. Paspot: _____

(A) PENILAIAN BERKENAAN PENYAKIT (DISEDIAKAN OLEH PEGAWAI PERUBATAN)

Adakah rawatan ini berkaitan dengan penyakit atau keadaan berikut:-

(a) Kardiovaskular	Ya / Tidak	} Penyakit adalah dilindungi di bawah skim insurans. (Dijana oleh sistem sekiranya penyakit dilindungi)
(b) Kanser	Ya / Tidak	
(c) Pergigian atau Pembedahan Plastik	Ya / Tidak	
(d) AIDS, HIV atau STD	Ya / Tidak	
(e) Kongenital atau Penyakit Keturunan.	Ya / Tidak	
(f) Kehamilan atau Ketidaksuburan	Ya / Tidak	
(g) Percubaan Bunuh Diri atau Kecederaan yang disengajakan	Ya / Tidak	
(h) Ganguan Tidur atau Dengkur	Ya / Tidak	
(i) Psikotik, Mental atau saraf	Ya / Tidak	
(j) Kecederaan Sukan atau Penerbangan	Ya / Tidak	

.....
 (Tandatangan)

Nama :

Tarikh :

Cop :

(B) SENARAI SEMAK BAGI PEGAWAI/PEMBANTU TADBIR UNIT HASIL/WAD/JABATAN A&E

- | | Ya | Tidak |
|--|--------------------------|--------------------------|
| 1. Adakah Borang Pengesahan SPIKPA Untuk Tujuan Kemasukan Wad (KKM/SPIKPA/BP/1/2011) disertakan? | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 2. Bagi penyakit (a) atau (b), adakah kemasukan hospital berlaku selepas 120 hari daripada tarikh permulaan insurans? (Sila tanda jika berkaitan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 3. Adakah penyakit yang dirawat selain daripada penyakit (c) hingga (j)? | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

Sekiranya jawapan bagi soalan 1, 2 dan 3 adalah "Ya", maka kes dilindungi di bawah skim SPIKPA.

Sekiranya kegunaan Bilangan Hari Bilik Biasa **atau/dan** Hari Bilik ICU melebihi had maksimum yang dinyatakan dalam Borang Pengesahan SPIKPA Untuk Tujuan Kemasukan Wad, perlu menggunakan **Kaedah Pengiraan Pembahagian Caj Tuntutan Bilik Biasa/Bilik ICU Hospital** dan kepilkan bersama format berkenaan.

.....
 (Tandatangan)

Nama :

Tarikh :

Cop :

**BORANG PERMOHONAN LAPORAN PERUBATAN
SKIM PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN PEKERJA ASING (SPIKPA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

1. Maklumat Pemohon

Nama Pemohon :
*No. Paspot/No. KP :
Hubungan dengan Pesakit :
Alamat Pemohon :
No. Tel. Rumah : No. Tel. Bimbit :

2. Maklumat Pesakit

Nama Pesakit :
MRN : No. Paspot :
Umur :

3. Keizinan daripada Pesakit / Penjaga Pesakit

Saya membenarkan pihak hospital mengeluarkan Laporan Perubatan *saya / pesakit yang bernama seperti di ruangan maklumat pesakit di atas kepada Syarikat Insurans dan Third Party Claim Administrator (TPCA) yang berkenaan dengan polisi insurans *saya / pesakit. Dengan ini saya juga melepaskan pihak hospital dan juga pihak-pihak yang menerima Laporan Perubatan dari sebarang tindakan perundangan berkaitan dengan pengeluaran laporan perubatan tersebut.

Tandatangan /
Cop jari : Tandatangan Saksi :

Nama Pesakit /
Penjaga Pesakit : Nama Saksi :

*No. Paspot / No KP : *No. Paspot / No. KP :

Tarikh : (***Nota: Sila potong mana yang tidak berkenaan**)

4. Untuk kegunaan pejabat :

Tandatangan :
Nama Kakitangan bertugas :
Jawatan :
Jabatan :
Tarikh :

Laporan ini hendaklah dihantarkan kepada TPCA SPIKPA yang berkenaan.

LAMPIRAN D

KAEDAH PENGIRAAN PEMBAHAGIAN CAJ TUNTUTAN BILIK BIASA/BILIK ICU HOSPITAL

	Bilangan Hari	Kadar Caj Hospital	Jumlah Caj Tuntutan
	RM	RM	RM
<u>Bilik Biasa</u>			
Baki Bilangan Had Hari Bilik Biasa (Rekod SPIKPA)	(a) 30		
Bilangan Hari Bilik yang dikenakan caj	(b) 25		
Bilangan Hari Bilik ditanggung Insurans	(c) 25	40	1000
Bilangan Hari Bilik yang ditanggung Pesakit	(d) = (b) - (c) 0	40	0
Baki yang boleh digunakan bagi ICU	(e) = (a) - (c) - (d) 5		
Bilangan yang digunakan untuk ICU	(f) 5		
Baki dibawa ke hadapan	(f) = (e) - (f) 0		
Jumlah Tuntutan Kepada Insurans			1000
Jumlah Tuntutan Kepada Pesakit			0
Jumlah Tuntutan			1000

	Bilangan Hari	Kadar Caj Hospital	Jumlah Caj Tuntutan
	RM	RM	RM
<u>Bilik ICU</u>			
Baki Bilangan Had Hari ICU	(g) 15		
Bilangan Hari ICU yang dikenakan caj	(h) 21		
Bilangan Hari ICU ditanggung Insurans	(i) 15	300	4500
Bilangan Hari Bilik Biasa ditanggung Insurans	(j) 5	40	200
Baki Bilangan Hari ICU ditanggung pesakit	(k1) 5	260	1300
Bilangan Hari ICU ditanggung Pesakit	(k) = (h) - (i) - (j) 1	300	300
Baki dibawa ke hadapan	(l) = (g) - (i) 0		
Jumlah Tuntutan Kepada Insurans			4700
Jumlah Tuntutan Kepada Pesakit			1600
Jumlah Tuntutan			5000

NOTA:-

Hanya masukkan maklumat di bahagian yang bertanda sahaja.

LAPORAN PERUBATAN
SKIM PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN PEKERJA ASING (SPIKPA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Butiran Pesakit

Nama Pesakit : Umur :
No Pasport : MRN :
Tarikh masuk wad : Tarikh discaj dari wad :

Disiplin:

.....
.....

Sejarah Kesihatan:

.....
.....
.....

Pemeriksaan Fisikal:

.....
.....

Keputusan ujian makmal dan radiologi:

.....
.....
.....

Diagnosis:

.....
.....

Rawatan yang diberikan kepada Pesakit :

.....
.....
.....

Rumusan prosedur yang dijalankan ke atas Pesakit:

.....
.....
.....

Preskripsi ubat-ubat yang diberikan kepada Pesakit:

.....
.....
.....

Laporan disediakan oleh:-

Tandatangan :
Nama :
NO K/P :
Jawatan :
Jabatan :
Tarikh :

Cop Rasmi Hospital

SKIM KEMASUKAN HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN PEKERJA ASING (SKHPPA)

BAHAWASANYA Yang Pemegang Polisi/ Orang Yang Diinsuranskan, menerusi permohonan dan perakuan yang menjadi asas kepada kontrak ini dan dianggap sebagai sebahagian daripadanya, telah memohon kepada _____ (seterusnya dirujuk sebagai "Syarikat") untuk insurans yang terkandung seterusnya dan telah membayar premium yang dinyatakan dalam Jadual Polisi sebagai pertimbangan untuk insurans sedemikian bagi tempoh yang dinyatakan di dalamnya.

MAKA POLISI INI MEMPERAKUI bahawa jika dalam Tempoh Insurans, sebarang sakit, wabak, penyakit atau kecederaan akibat kemalangan memerlukan Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia untuk rawatan, Syarikat akan, tertakluk kepada peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat Polisi ini dan yang diendors kepadanya, membayar kepada Yang Diinsuranskan/Orang Yang Diinsuranskan atau wakil peribadinya yang sah di sisi undang-undang jumlah atau jumlah-jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa Polisi ini akan berkuatkuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam Jadual Polisi. Polisi ini akan dikeluarkan untuk tempoh satu tahun dan boleh dibaharui untuk tempoh satu tahun lagi pada akhir setiap tempoh insurans tertakluk kepada kebenaran Syarikat.

Definisi:

KEMALANGAN hendaklah bermaksud kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa dan yang tertentu pada masa dan di tempat yang dikenal pasti, yang hendaklah tanpa bergantung pada apa-apa sebab lain, menjadi satu-satunya sebab bagi kecederaan anggota badan.

MANA-MANA SATU HILANG UPAYA hendaklah bermaksud semua tempoh hilang upaya yang timbul daripada sebab yang sama termasuk mana-mana dan semua komplikasinya kecuali jika Orang Yang Diinsuranskan pulih sepenuhnya dan tidak perlu menjalani apa-apa rawatan lanjut (termasuk dadah, ubat, diet khas atau suntikan atau nasihat tentang keadaannya) bagi hilang upaya itu selama sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari selepas tarikh terakhir keluar hospital dan hilang upaya berikutnya akibat daripada sebab yang sama hendaklah dianggap seolah-olah hilang upaya itu adalah yang baru.

HILANG UPAYA hendaklah bermaksud Sakit, Wabak, Penyakit atau semua Kecederaan yang timbul daripada satu atau beberapa sebab yang berterusan.

PENYAKIT KONGENITAL hendaklah bermaksud apa-apa keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud sejak lahir, dan juga keabnormalan fizikal neonatal yang berkembang dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kelahiran. Ini termasuk semua jenis hernia dan epilepsi kecuali disebabkan oleh trauma yang berlaku selepas tarikh Orang Yang Diinsuranskan dilindungi secara berterusan di bawah Polisi ini.

HARI hendaklah bermaksud pentafsiran hari yang dikenakan bayaran oleh Hospital Kerajaan Malaysia yang berkenaan.

PEMBEDAHAN HARIAN hendaklah bermaksud pesakit yang perlu menggunakan kemudahan pemulihan untuk prosedur pembedahan yang dirancang terlebih dahulu di hospital/klinik pakar (tetapi bukan untuk bermalam).

DOKTOR atau PAKAR PERUBATAN atau PAKAR BEDAH hendaklah bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang, semasa memberikan rawatan itu, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di kawasan geografi profesion tersebut diamalkan, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan Orang Yang Diinsuranskan itu sendiri.

PENGINAPAN HOSPITAL hendaklah bermaksud Orang Yang Diinsuranskan didaftar dan dimasukkan sebagai pesakit yang dirawat dalam Hospital Kerajaan Malaysia selama lebih daripada dua belas (12) jam.

HOSPITAL hendaklah bermaksud pertubuhan berlesen yang ditubuhkan dan didaftarkan sewajarnya sebagai Hospital Kerajaan Malaysia bukan korporat untuk jagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera, dan yang:-

- (a) mempunyai kemudahan teratur untuk diagnosis, rawatan dan pembedahan utama;
- (b) menyediakan khidmat jagaan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat berdaftar dan siswazah;
- (c) di bawah penyeliaan Pakar Perubatan; dan
- (d) bukan terutamanya sebuah klinik, tempat penjagaan untuk ketagih alkohol dan dadah, pusat jagaan atau rumah pemulihan atau rumah orang tua atau pertubuhan yang serupa.

HOSPITAL KERAJAAN MALAYSIA hendaklah bermaksud hospital yang bayaran khidmatnya tertakluk kepada Akta Fi 1951 Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan/atau pindaan berikutnya jika ada.

SAKIT, WABAK ATAU PENYAKIT hendaklah bermaksud keadaan fizikal yang ditunjukkan dari segi patologi berbeza daripada keadaan kesihatan yang normal.

KECEDERAAN hendaklah bermaksud kecederaan anggota badan yang semata-mata disebabkan oleh kemalangan.

PEMEGANG POLISI hendaklah bermaksud orang atau entiti korporat yang telah memohon untuk insurans ini daripada Syarikat dan merupakan majikan pekerja asing yang sah.

ORANG YANG DIINSURANSKAN hendaklah bermaksud Orang Yang Layak yang telah diterima oleh Syarikat untuk menyertai Skim seperti yang diuraikan dalam Jadual Manfaat.

ORANG YANG LAYAK hendaklah bermaksud pekerja asing semasa dan masa depan Pemegang Polisi yang bekerja sepenuh masa dan berusia antara lapan belas (18) hingga enam puluh (60) tahun dan merupakan pemegang sah permit/Pas Lawatan Kerja Sementara yang masih berkuat kuasa, yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kerajaan Malaysia yang berkenaan.

UNIT RAWATAN RAPI hendaklah bermaksud satu bahagian di Hospital Kerajaan Malaysia yang dinamakan sebagai Unit Rawatan Rapi oleh Hospital Kerajaan Malaysia dan yang diselenggara dua puluh empat (24) jam hanya untuk rawatan bagi pesakit dalam keadaan kritikal dan dilengkapi khidmat jagaan dan perubatan khas yang tidak disediakan di mana-mana bahagian lain Hospital Kerajaan Malaysia itu.

HAD TAHUNAN KESELURUHAN hendaklah bermaksud manfaat yang dibayar bagi belanja yang dikenakan untuk rawatan yang diberikan kepada Orang Yang Diinsuranskan dalam tempoh insurans hendaklah dihadkan mengikut Had Tahunan Keseluruhan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat tanpa mengira jenis hilang upaya. Jika Had Tahunan Keseluruhan telah dibayar, maka semua insurans untuk Orang Yang Diinsuranskan di bawah ini hendaklah dihentikan bayarannya serta-merta bagi baki tahun polisi tersebut.

PENYAKIT SEDIA ADA hendaklah terhad kepada hilang upaya yang wujud sebelum tarikh kuat kuasa perlindungan dan untuk mana Orang Yang Diinsuranskan patut mengetahui sewajarnya. Orang Yang Diinsuranskan dianggap mengetahui sewajarnya keadaan sedia ada itu apabila:-

- (a) Orang Yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- (b) nasihat, diagnosis, jagaan atau rawatan perubatan telah disyorkan;
- (c) simptom yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata; atau
- (d) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas kepada orang yang mengalami keadaan itu.

BAYARAN MUNASABAH DAN BIASA DIAMALKAN hendaklah bermaksud bayaran rawatan perubatan yang perlu dari segi perubatan, yang dianggap munasabah dan biasa diamalkan selagi bayaran itu tidak melebihi had biasa bayaran yang dibuat oleh pihak lain yang sama kedudukannya ditempat bayaran itu dikenakan, apabila memberikan rawatan, khidmat atau bekalan seumpamanya atau yang serupa kepada individu dengan jantina yang sama dan kategori umur yang sama untuk sakit, penyakit atau kecederaan serta selaras dengan piawai dan amalan perubatan yang diterima dan tidak boleh diabaikan tanpa menjejaskan keadaan perubatan Orang Yang Diinsuranskan.

PENYAKIT TERTENTU hendaklah bermaksud hilang upaya berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya, yang wujud dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama Insurans bagi Orang Yang Diinsuranskan:

- (a) Penyakit kardiovaskular
- (b) Semua kanser

PEMBEDAHAN hendaklah bermaksud mana-mana prosedur perubatan yang berikut:

- (a) Untuk menginsisi, mengeksi atau mengelektrokauteri mana-mana bahagian organ atau badan, kecuali untuk khidmat pergigian.
- (b) Untuk membaiki, mengubah atau membentuk semula mana-mana bahagian organ atau badan.
- (c) Untuk mengurangkan fraktur atau dislokasi melalui manipulasi.
- (d) Penggunaan endoskopi untuk mengeluarkan batu atau objek dari larinks, bronkus, trakea, esofagus, perut, usus, pundi kencing atau uretra.

POLISI hendaklah bermaksud perjanjian ini bersama dengan sebarang endorsemen di dalamnya, yang ditandatangani oleh Syarikat, Jadual Manfaat yang dilampirkan kepadanya dan borang permohonan Orang Yang Diinsuranskan yang kesemuanya meliputi keseluruhan kontrak antara kedua-dua pihak.

TEMPOH INSURANS hendaklah bermaksud tempoh yang dinyatakan dalam Jadual Polisi dan dalam mana Orang Yang Diinsuranskan bekerja secara langsung untuk Yang Diinsuranskan atau sehingga tamat pekerjaan/permit kerja yang mana lebih awal TETAPI TIDAK TERMASUK tempoh apabila Orang Yang Diinsuranskan kembali ke negara asalnya. Perlindungan tamat dari masa beliau meninggalkan Malaysia dan disambung semula apabila beliau kembali ke Malaysia. Had Liputan kawasan Polisi adalah di dalam Malaysia sahaja.

Jenis Manfaat

Bilik Hospital dan Makan Harian (Maksimum sehingga tiga puluh (30) hari)

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang Perlu Dari Segi Perubatan untuk penginapan di bilik dan makan. Jumlah manfaat hendaklah sama dengan bayaran sebenar yang dikenakan oleh Hospital Kerajaan Malaysia semasa Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital, tetapi manfaat tidak boleh melebihi, bagi mana-mana satu hari, kadar Manfaat Bilik dan Makan, dan bilangan maksimum hari seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Orang Yang Diinsuranskan hanya layak menerima manfaat ini apabila dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit dalam.

Unit Rawatan Rapi (Maksimum sehingga lima belas (15) hari)

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang Perlu Dari Segi Perubatan untuk bilik dan makan yang sebenarnya ditanggung semasa dimasukkan ke hospital sebagai pesakit dalam di Unit Rawatan Rapi Hospital Kerajaan Malaysia. Bayaran manfaat ini hendaklah sama dengan bayaran sebenar yang dikenakan oleh Hospital Kerajaan Malaysia tertakluk kepada manfaat maksimum bagi mana-mana satu hari, dan bilangan maksimum hari, seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Apabila tempoh dimasukkan ke hospital di Unit Rawatan Rapi melebihi tempoh maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, maka pembayaran balik akan dihadkan kepada kadar Bilik Hospital dan Makan Harian. Tiada Manfaat Bilik Hospital dan Makan akan dibayar untuk tempoh dimasukkan ke hospital yang sama di mana Manfaat Unit Rawatan Rapi Harian dibayar.

Bekalan dan Khidmat Hospital

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang sebenarnya ditanggung dan yang Perlu Dari Segi Perubatan untuk jagaan am, dadah dan ubat yang dipreskripsikan dan dimakan, pencucian dan pembalutan luka, anduh, acuan plaster, sinar-x, pemeriksaan makmal, elektrokardiogram, fisioterapi, ujian metabolisma basal, suntikan dan larutan intraena, pemberian darah dan plasma darah tetapi tidak termasuk kos darah dan plasma semasa Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital sebagai pesakit dalam di Hospital Kerajaan Malaysia, hingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Bilik Bedah

Pembayaran balik bagi bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk Bilik Bedah yang berkaitan dengan prosedur pembedahan tidak melebihi had-had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

Bayaran Pembedahan

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk pembedahan yang Perlu Dari Segi Perubatan oleh Pakar, semasa tinggal di hospital. Jika lebih daripada satu pembedahan dijalankan bagi Mana-Mana Satu Hilang Upaya, jumlah bayaran untuk semua pembedahan yang dijalankan, tidak boleh melebihi jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Bayaran Pakar Bius

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan oleh Pakar Bius untuk pemberian bahan bius yang Perlu Dari Segi Perubatan tidak boleh melebihi had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Maksimum sehingga tiga puluh (30) hari)

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan oleh Pakar Perubatan untuk lawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan ke atas pesakit dalam berbayar semasa dimasukkan ke hospital kerana hilang upaya bukan pembedahan tertakluk

kepada maksimum satu (1) lawatan sehari tidak melebihi bilangan hari dan jumlah maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

Lawatan Rundingan Pakar Dalam Hospital (maksimum sehingga tiga puluh (30) hari)

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan bagi rundingan oleh Pakar yang berlesen secara sah dan berkecualan, yang disarankan oleh Pakar Perubatan disebabkan penyakit atau kecederaan semasa tinggal di hospital. Jumlah keseluruhan yang dibayar tidak boleh melebihi jumlah maksimum yang ditetapkan di Jadual Manfaat bagi Mana-Mana Satu Hilang Upaya.

Bayaran Ambulans/Bayaran Laporan Perubatan

Pembayaran balik bagi bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk khidmat ambulans rumah (termasuk atendan) ke dan/atau dari Hospital Kerajaan Malaysia. Bayaran tidak akan dibuat jika Orang Yang Diinsuranskan itu tidak dimasukkan ke hospital dan tertakluk kepada had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Di bawah manfaat ini, Syarikat juga akan membayar balik Yang Diinsuranskan kos bagi mendapatkan laporan perubatan namun hanya jika laporan tersebut secara khusus diperlukan oleh pihak Syarikat bagi memproses tuntutan.

Peruntukan Khas

ORANG-ORANG YANG LAYAK

Orang-Orang Yang Layak diinsuranskan di bawah Polisi ini adalah pekerja asing semasa dan masa depan Pemegang Polisi yang bekerja sepenuh masa dan terlibat secara aktif dalam tugas biasa pada tarikh mereka layak menyertai Polisi.

Kakitangan pekerja asing semasa layak untuk menyertai insurans pada tarikh permulaan polisi. Kakitangan pekerja asing pada masa depan layak untuk menyertai insurans pada tarikh yang dinyatakan dalam borang permohonan.

Jika seorang kakitangan tidak terlibat secara aktif dalam tugas biasanya pada tarikh beliau sepatutnya layak mengikut keperluan yang dinyatakan di atas, tarikh kelayakannya akan ditangguhkan hingga ke hari pertama (1) bulan yang berikut selepas beliau kembali bertugas sepenuh masa secara aktif.

TEMPOH PERLINDUNGAN DAN PEMBAHARUAN

Polisi ini hendaklah berkuat kuasa mengikut tarikh yang dinyatakan dalam Jadual. Ulang tahun Polisi adalah satu (1) tahun selepas tarikh kuat kuasa dan setiap tahun berikutnya. Pada setiap ulang tahun itu, Polisi ini boleh dibaharui pada kadar premium yang berkuat kuasa pada masa itu seperti yang dimaklumkan oleh Syarikat.

WILAYAH GEOGRAFI

Semua manfaat yang disediakan dalam polisi ini adalah terpakai dalam Malaysia sahaja untuk dua puluh empat (24) jam sehari.

HAD MANFAAT

Semua manfaat yang disediakan di Polisi ini adalah hanya berbayar jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia bukan korporat.

Pengecualian

Kontrak ini tidak melindungi apa-apa penghospitalan, pembedahan atau bayaran yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:

1. Penyakit sedia ada. Walau bagaimanapun, pengecualian tersebut adalah digugurkan sekiranya Orang Yang Diinsuranskan telah lulus pemeriksaan perubatan dan disahkan oleh Fomema Sdn. Bhd. (FOMEMA) dalam masa 30 hari ketibaan ke Malaysia.
2. Penyakit tertentu yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama bagi perlindungan berterusan.
3. Pembedahan plastik/kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasaan atau pembedahan (Keratotomy Radial) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya.
4. Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan Akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Insurans.
5. Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan

penyakit berkaitan HIV (Sindrom Kurang Daya Tahan Manusia), dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.

6. Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.
7. Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan, disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impotensi atau pensterilan.
8. Penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.
9. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman.
10. Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera.
11. Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear.
12. Belanja yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Orang Yang Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika transplant organ dan komplikasinya.
13. Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain.
14. Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak dikehendaki atau setakat yang ia dibayar oleh mana-mana insurans lain atau tanggung rugi yang melindungi Orang Yang Diinsuranskan dan Hilang Upaya yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja.
15. Gangguan psikotik, mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
16. Kos/belanja bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat telex, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.
17. Sakit atau Kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang tidak dibenarkan.
18. Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
19. Belanja yang ditanggung untuk menukar jantina.

Syarat-Syarat Am

Polisi ini dan Jadualnya hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau penyertaan yang disertakan dengan makna khusus dalam mana-mana bahagian Polisi atau Jadual hendaklah membawa makna khusus yang sama di mana juga ia digunakan.

NOTIS

Setiap notis atau komunikasi kepada Syarikat hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Syarikat. Pindaan bagi syarat dalam Polisi ini atau apa-apa pengendorsan padanya, tidak sah kecuali pindaan itu ditandatangani atau diparap oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa.

PRASYARAT LIABILITI

Pematuhan dan pelaksanaan terma, peruntukan dan syarat Polisi ini dengan sewajarnya oleh Yang Diinsuranskan dan Orang Yang Diinsuranskan dan selagi berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Yang Diinsuranskan dan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah menjadi prasyarat apa-apa liabiliti Syarikat.

SALAH NYATAAN/PENIPUAN

Jika cadangan atau perisytiharan Orang Yang Diinsuranskan didapati tidak betul dari apa-apa segi atau jika fakta penting yang mempengaruhi risiko tidak dinyatakan dengan betul di dalamnya atau dikeluarkan daripadanya, atau jika insurans ini, atau apa-apa pembaharuan padanya sepatutnya diperoleh melalui mana-mana silap nyata, salah nyataan atau jika apa-apa tuntutan yang dibuat secara menipu atau ditokok tambah, atau apa-apa perisytiharan atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokongnya, dengan itu dalam mana-mana kes ini, Polisi ini adalah terbatal.

PREMIUM

Ketika tempoh insurans, premium untuk insurans di bawah Polisi ini adalah tidak terjamin. Syarikat berhak untuk menukar kadar pada mana premium dikira, pada permulaan mana-mana Tahun Polisi, dengan syarat Syarikat memaklumkan Orang Yang Diinsuranskan sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari lebih awal dari tarikh premium tersebut perlu dibayar.

PROSEDUR TUNTUTAN

- (a) Orang Yang Diinsuranskan hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari Hilang Upaya yang melibatkan belanja boleh tuntutan, memberikan notis bertulis kepada Syarikat dengan menyatakan butiran lengkap kejadian tersebut, termasuk semua bil dan resit asal, serta laporan lengkap Pakar Perubatan yang menyatakan diagnosis keadaan yang dirawat dan tarikh Hilang Upaya bermula mengikut pendapat Pakar Perubatan dan rumusan kos rawatan oleh Pakar Perubatan termasuk ubat dan khidmat yang diberikan. Kegagalan memberikan notis tersebut dalam tempoh yang dibenarkan tidak boleh membatalkan apa-apa tuntutan jika ditunjukkan tidak munasabah untuk memberikan notis itu dan notis itu telah diberikan secepat mungkin.
- (b) Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mendapatkan dan bertindak berdasarkan nasihat perubatan yang sewajarnya dan Syarikat tidak bertanggungjawab jika rawatan atau khidmat diperlukan berikutan kegagalan Orang Yang Diinsuranskan berbuat demikian.
- (c) Setelah semua dokumen berkaitan lengkap dikemukakan, pembayaran balik tuntutan akan dibuat dalam masa tiga puluh (30) hari bekerja oleh Syarikat.

PEMBATALAN

Polisi ini boleh dibatalkan oleh Pemegang Polisi pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Syarikat dan dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tahun polisi semasa, Pemegang Polisi layak menerima bayaran balik premium seperti yang berikut:-

Tempoh Tidak Boleh Melebihi	Bayaran Balik Premium Tahunan
15 hari	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik

UNDANG-UNDANG MENGAWAL POLISI

Polisi ini dikeluarkan di bawah undang-undang Malaysia dan tertakluk dan dikawal oleh undang-undang lazim di Malaysia.

PROSIDING UNDANG-UNDANG

Tindakan undang-undang atau ekuiti tidak boleh dibawa ke mahkamah untuk mendapatkan semula Polisi ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti bertulis tentang kerugian diberikan menurut keperluan Polisi ini. Jika Orang Yang Diinsuranskan gagal memberikan bukti kerugian yang diperlukan seperti yang dinyatakan oleh terma, peruntukan dan syarat Polisi, maka Orang

Yang Diinsuranskan boleh dalam tempoh ihsan bagi satu tahun kalendar dari masa bukti bertulis bagi kerugian itu diberikan, menyerahkan bukti kerugian yang berkaitan kepada Syarikat dengan alasan yang kukuh atas kegagalan mematuhi terma, peruntukan dan syarat Polisi. Selepas tempoh ihsan itu tamat, Syarikat tidak akan menerima, walau dengan apa-apa alasan sekalipun bukti bertulis tentang kerugian itu.

PENAMATAN INSURANS INDIVIDU

Insurans bagi mana-mana satu Orang Yang Diinsuranskan akan tamat apabila berlaku kejadian-kejadian berikut, yang mana lebih awal:-

- (a) apabila habis tempoh permit kerja Orang Yang Diinsuranskan atau apabila kontrak pekerjaan antara Pemegang Polisi dan Orang Yang Diinsuranskan yang dinamakan dalam Jadual ditamatkan, atau
- (b) dari tarikh Surat Pelepasan daripada Jabatan Imigresen, atau
- (c) apabila Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia atau apabila kehabisan Had Tahunan Keseluruhan bagi Orang Yang Diinsuranskan, atau
- (d) pada Ulang Tahun Polisi seterusnya selepas hari lahir ke-60 Orang Yang Diinsuranskan, atau
- (e) pada tarikh apabila pembayaran premium bagi Orang Yang Diinsuranskan diberhentikan atas sebarang sebab, atau
- (f) pada tarikh Polisi ini ditamatkan sama ada oleh Pemegang Polisi atau Syarikat, atau
- (g) pada tengah malam waktu standard Malaysia pada hari terakhir Tempoh Insurans melainkan pada waktu tersebut Orang Yang Diinsuranskan terlantar di sebuah Hospital Kerajaan. Jika keadaan ini berlaku, masa penamatan akan dilanjutkan sehingga:
 - (i) Orang Yang Diinsuranskan keluar dari Hospital Kerajaan; atau
 - (ii) Had Tahunan Keseluruhan telah dihabiskan yang mana berlaku dahulu.

PINDAAN

Syarikat berhak meminda terma dan peruntukan Polisi ini dengan memberikan notis awal tiga puluh (30) hari secara bertulis melalui pos biasa ke alamat terakhir Orang Yang Diinsuranskan yang diketahui mengikut rekod Syarikat, dan pindaan tersebut akan terpakai dari pembaharuan berikutnya bagi Polisi ini. Pindaan kepada Polisi ini tidak sah kecuali jika Diluluskan oleh Syarikat dan kelulusan itu hendaklah diendorsekan pada Polisi tersebut. Penanggung insurans hendaklah memberikan notis awal tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada Orang Yang Diinsuranskan mengikut alamat terakhir yang direkodkan bagi mana-mana pindaan yang dibuat.

TEMPOH IHSAN

Meskipun terdapat syarat Tunai sebelum Perlindungan, tempoh Ihsan selama empat belas (14) hari dari tarikh perlu dibayar dibenarkan untuk pembayaran sebarang premium setelah Tahun Polisi pertama. Dalam tempoh selama empat belas (14) hari tersebut, Syarikat akan bertanggungjawab jika pada akhir tempoh berkenaan, premium telah dibayar.

Sekiranya sebarang premium berkaitan dengan Polisi Kontrak ini tidak berbayar sebelum tarikh tamat tempoh ihsan, Polisi Kontrak ini dianggap sebagai terbatal pada tarikh luput polisi ini.

PENTING

Pemegang Polisi akan membaca Polisi ini dengan teliti dan jika sebarang kesilapan atau salah nyataan ditemui disini, atau jika perlindungan bukan mengikut kehendak Pemegang Polisi, Syarikat harus dimaklumkan dengan segera dan Polisi dikembalikan untuk perhatian.

JADUAL MANFAAT (MANA-MANA SATU HILANG UPAYA)

PERKARA	MANFAAT	JUMLAH (RM)
1 (a)	Bilik Hospital & Makan Harian (Maksimum sehingga 30 hari)	Bayaran yang dikenakan – mengikut bayaran yang selaras dengan Bilik & Makan Kelas Ketiga (ke-3) sehingga maksimum RM60 sehari di Hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat mengikut Akta Fi 1951, Perintah Fi (Perubatan) 1982
1 (b)	Unit Rawatan Rapi (Maksimum sehingga 15 hari)	
2.	Bekalan dan Khidmat Hospital	
3.	Bilik Bedah	
4.	Bayaran Pembedahan (Tidak merangkumi transplant organ)	
5.	Bayaran Pakar Bius	
6.	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)	
7.	Lawatan Rundingan Pakar Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)	
8.	Bayaran Ambulans/Bayaran Laporan Perubatan	
Had Tahunan Keseluruhan Maksimum (Perkara 1-8)		RM10,000.00

NOTA PENTING:

Semua manfaat berbayar bagi apa-apa bilangan hilang upaya dalam mana-mana satu tempoh Insurans adalah tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan sebanyak RM10,000.00 setiap Orang Yang Diinsuranskan.

HOSPITALISATION AND SURGICAL SCHEME FOR FOREIGN WORKERS (SKHPPA)

WHEREAS the Policyholder / Insured Person by an application and declaration which shall be the basis of this contract and is deemed to be incorporated herein has applied to _____ (hereinafter called "the Company") for the insurance contained in this Policy and has paid the premium stated in the Policy Schedule as consideration for such insurance for the period stated therein.

NOW THIS POLICY WITNESSETH that if during the Period of Insurance, any sickness, disease illness or accidental injury necessitates the Insured Person to be confined to a Malaysian Government Hospital for treatment, the Company will subject to the terms, provisos, exclusions and conditions of and endorsed on this Policy, pay to the Insured / Insured Person or his legal personal representatives the sum or sums stated in the Schedule of Benefits.

Provided always that this Policy shall become effective as of the date stated in the Policy Schedule. This Policy shall be issued for one year and at the end of each period of insurance may be renewed for another year subject to the consent of the Company.

Definitions:

ACCIDENT shall mean a sudden, unintentional, unexpected, unusual, and specific event that occurs at an identifiable time and place which shall, independently of any other cause, be the sole cause of bodily injury.

ANY ONE DISABILITY shall mean all of the periods of disability arising from the same cause including any and all complications there from except that if the Insured Person completely recovers and remains free from further treatment (including drugs, medicines, special diet or injection or advice from the conditions) of the disability for at least ninety (90) days following the latest date of discharge and subsequent disability from the same cause shall be considered as though it were a new disability.

DISABILITY shall mean a Sickness, Disease, Illness or the entire Injuries arising out of a single or continuous series of causes.

CONGENITAL CONDITIONS shall mean any medical or physical abnormalities existing at the time of birth, as well as neo-natal physical abnormalities developing within six (6) months from the time of birth. They will include hernias of all types and epilepsy except when caused by a trauma which occurred after the date that the insured was continuously covered under this Policy.

DAY shall mean the definition of a charging day adopted by the Malaysian Government Hospital concerned.

DAY SURGERY shall mean a patient who needs the use of a recovery facility for a surgical procedure on a pre-planned basis at the hospital/specialist clinic (but not for overnight stay)

DOCTOR or PHYSICIAN or SURGEON shall mean a registered medical practitioner qualified and licensed to practice western medicine and who, in rendering such treatment, is practicing within the scope of his licensing and training in the geographical area of practice, but excluding a doctor, physician or surgeon who is the Insured Person himself.

HOSPITAL CONFINEMENT shall mean the Insured Person being duly registered and admitted as an in-patient in a Malaysian Government Hospital for more than twelve (12) hours.

HOSPITAL shall mean an establishment duly constituted and registered as a non-corporatized Malaysian Government Hospital for the care and treatment of sick and injured persons, and which:-

- (a) has organized facilities for diagnosis, treatment and major surgery;
- (b) provides twenty-four (24) hours a day nursing services by registered graduate nurses;
- (c) is under the supervision of a Physician; and
- (d) is not primarily a clinic, a place for custodial care for alcoholics or drug addicts, a nursing or rest or convalescent home for the aged and similar establishment.

MALAYSIAN GOVERNMENT HOSPITAL shall mean a hospital which charges of services are subject to the Fees Act 1951 Fees (Medical) Order 1982 and/or its subsequent amendments if any.

SICKNESS, DISEASE OR ILLNESS shall mean a physical condition marked by a pathological deviation from the normal healthy state.

INJURY shall mean bodily injury caused solely by accident.

POLICYHOLDER shall mean a person or corporate entity who has applied for this insurance from the Company and who is an employer or bona fide foreign workers.

